

**INDIVIDUALISME FAISAL TEHRANI DALAM KEPENGARANGAN
BERDASARKAN NOVEL-NOVEL TERPILIH
*INDIVIDUALISM OF FAISAL TEHRANI'S AUTHORSHIP BASED ON
SELECTED NOVEL***

*Fauzi bin Hasan**

*Tengku Intan Marlina Mohd. Ali
Madiawati binti Mamat@Mustaffa
Akademi Pengajian Melayu,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
fauzihasan71@gmail.com

ABSTRAK

Faisal Tehrani antara pengarang generasi baharu yang prolifik dan aktif berkarya sehingga kini. Karya-karya yang dihasilkannya menunjukkan kelainan tersendiri dari aspek tekstual dan kontekstual seiring dengan perubahan aliran, tema, persoalan dan pemikiran yang menjadi pegangan dalam menghasilkan karyanya. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis pembinaan jati diri beliau dalam novel-novel terpilihnya. Sepanjang berkarya, beliau menghasilkan novel remaja dan novel dewasa bagi menyampaikan pemikiran, persoalan, permasalahan, mesej dan sebagainya dengan berkesan. Sebanyak lima buah novel akan ditelusuri, iaitu *Perempuan Politikus Melayu, 1515, 1511H[Kombat], SsPJ, Tunggu Teduh Dulu* dan *Bahlut*. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif yang melibatkan pembacaan rapi dan pentafsiran sumber bertulis. Bagi menganalisis pembinaan jati diri, Teori Teksdealisme digunakan sebagai landasan kajian. Dalam Teori Teksdealisme telah mengemukakan prinsip individualisme atau keperibadian untuk mengesan keupayaan seseorang pengarang

untuk membina jati diri atau keperibadiannya. Bagi mengesan pembinaan individualisme tersebut, prinsip ini telah mengemukakan empat unsur yang diterokai, iaitu subjektiviti, stail individu, reka cipta individu dan tindakan individu. Semua unsur tersebut dianalisis secara tekstual dan kontekstual berdasarkan tujuan dan persoalan kajian yang ditetapkan. Kajian mendapati bahawa Faisal Tehrani berusaha untuk membina dan menampilkan jati diri kepengarangannya melalui subjektiviti, stail individu, reka cipta individu dan tindakan individu. Keupayaan membina individualisme ini akan mengukuhkan kedudukan serta ketokohan beliau sebagai pengarang yang memiliki ciri-ciri keunggulan kerana mempunyai ideologi, kreativiti, sensitiviti dan matlamat tersendiri dalam menghasilkan novel-novelnya.

Kata kunci: Teksdealisme, individualisme, subjektiviti, stail individu, reka cipta individu dan tindakan individu.

ABSTRACT

Faisal Tehrani is among the new generation of prolific and active authors today. His works show distinct uniqueness in the textual and contextual aspects in terms of the changes in the flow, themes, problems and thoughts that come into being in producing his works. Accordingly, this study aims to analyze the development of his identity in his selected novels. Throughout his creative production, he has produced various teen and mature novels to effectively communicate his ideas, questions, problems, messages, etc. A total of five novels was studied, namely Perempuan Politik Melayu, 1515, 1511H [Kombat], SsPJ, Tunggu Teduh Dulu and Bahlut. This study will apply a qualitative methodology involving intensive reading and interpretation of written sources. To analyze the development of identity, the textdialism theory will be used as the basis of the study. The Textdialism Theory puts forward the principles of individualism or individuality to detect the ability of an author to build his identity or personality. To track the construction of the individualism, this approach presented four exploratory elements, namely subjectivity, individual style, individual inventor

and individual action. All of these elements will be analysed textually and consistently based on the objectives and questions of the study. The study found that Faisal Tehrani sought to build and display his identity through subjectivity, individual styles, individual inventions and individual actions. The ability to build this individualism will reinforce his position as an author who has the characteristics of excellence because of his ideology, creativity, sensitivity and purpose in producing his novels.

Keyword: Teksdealisme, individualism, subjectivity, individual style, individual inventor and individual action

PENGENALAN

Setiap pengarang mempunyai idionsinkrasi tersendiri bagi membezakannya dengan pengarang lain. Kelainan yang cuba ditampilkan itu sebagai langkah untuk mencetuskan keterujaan khalayak untuk mendekati dunia kreativitinya. Usaha mencari kelainan ini sangat dituntut sebagaimana disarankan oleh Muhd. Nasruddin Dasuki (2000) menyatakan untuk menempatkan diri dalam perkembangan kesusasteraan tanah air hendaklah menghasilkan karya-karya yang mempunyai kelainan. Keperluan mencari kelainan turut diingatkan oleh Othman Puteh (1993) menyatakan:

“sesiapa sahaja yang inginkan kelainan, mahu berbeza dengan individu lain, harus punya ketahanan-kesediaan menerima kritikan, meneruskan keyakinan diri tanpa teragak-agak atau tertoleh-toleh untuk memperoleh saingan ke tahap inovasi. Jika yakin diri dengan bauran kesediaan disiplin yang mantap, berkat usaha yang kerkesinambungan, akan diiktiraf kehadirannya sebagai pengarang kreatif-inovatif”.

Senario ini begitu relevan apabila membicarakan Faisal Tehrani dan dunia kepengarangannya. Jika menelusuri kreativiti Faisal Tehrani persis memasuki dimensi baharu dalam konteks

dunia kesusasteraan tanah air. Faisal Tehrani atau nama sebenarnya Mohd Faisal bin Musa, ialah seorang penulis novel yang cukup produktif dalam berkarya sejak melibatkan diri dalam dunia kesusasteraan tanah air sekitar tahun 1990-an. Dalam penulisan kreatif, beliau sangat prolifik kerana menulis hampir semua genre sastera merangkumi cerpen, novel, penulis skrip drama dan esei-esei kesusasteraan. Sehingga kini telah menghasilkan sebanyak 24 buah novel yang tebal dan *novelet*, malahan terdapat novel yang dihasilkan pada tahun yang sama. Kebolehan menghasilkan novel yang banyak ini merupakan satu pencapaian dan produktiviti yang luar biasa bagi seseorang pengarang. Sebagai seorang tokoh akademik dan pengarang yang prolifik, Faisal Tehrani bukan hanya pandai menulis, tetapi pandai mengkritik dan turut mengisi sesuatu yang dikritiknya.

Dalam berkarya, Faisal Tehrani lebih menonjol dalam penulisan cerpen dan novel. Novel-novel yang dihasilkan bersumberkan pengalaman pembacaan dan pengkajian terhadap isu-isu di persekitarannya. Keunikan dalam berkarya telah melayakkan beliau memenangi sayembara penulisan pada peringkat nasional dan negeri. Kemenangan yang diraih dalam genre cerpen dan novel telah memperkukuh ketokohan dan memantapkan gaya penulisan daripada aspek persoalan, pemikiran, latar, teknik dan gaya bahasa. Sehubungan dengan itu, Faisal Tehrani dikatakan mempunyai potensi sebagai seorang pelapis bagi menggantikan penulis mapan seperti Shahnnon Ahmad, A. Samad Said, S. Othman Kelantan, Arena Wati, Abdullah Hussen dan lain-lain lagi (Misran Rokimin, 2013).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya. Penyelidikan kualitatif merupakan suatu penyelidikan yang menghasilkan dapatan bukan menggunakan kemudahan prosedur statistik atau kemudahan kuantitatif yang lain (Strauss & Corbin, 1998). Penyelidikan kualitatif sebagai '*verstehen*' atau pemahaman yang simpatetik dan mendalam. Pendekatan '*verstehen*' berdasarkan

aplikasi kecerdasan kritikal kepada fenomena tanpa bergantung sepenuhnya kepada abstraksi representasi numerical (Patton, 1978) dan menghasilkan data deskriptif yang merangkumi tulisan sendiri seseorang atau perkataan yang diucapkannya (Bogdan & Taylor, 1975). Bagi memenuhi tujuan, kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kepustakaan, kaedah analisis dengan merujuk sumber sekunder yang telah ditulis oleh sarjana seperti tesis, kertas-kertas projek, pengkaji sastera, jurnal, buku-buku rujukan dan dokumen-dokumen yang sudah diterbitkan

Kajian ini bersifat tekstual yang menganalisis lima buah novel karya Faisal Tehrani. Novel-novel tersebut ialah *Perempuan Politikus Melayu (PPM)* (2000), *1515* (2003), *1511H [Kombat]* (2004), *Surat-surat Perempuan Johor (SsPJ)*(2005), *Tunggu Teduh Dulu (TTD)* (2008) dan *Bahlut* (2010). Novel-novel ini didapati memiliki kekuatan dan kelebihan tersendiri daripada aspek pemikiran, tema, latar, gaya bahasa, teknik penceritaan dan alirannya.

Teori *Teksdealisme*

Teori *Teksdealisme* diasaskan oleh Abdul Rahman Napiah (Mana Sikana), mantan pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Ungkapan ‘*Teksdealisme*’ merujuk kepada dua gabungan perkataan, iaitu ‘teks’ dan ‘idealisme’. Kewujudan teori ini ditakrifkan sebagai susunan idea dan pengalaman yang mengandungi makna yang berlapis-lapis dengan mempunyai sifat-sifat ideal ataupun keunggulannya. Teks yang unggul ialah teks yang mempunyai nilai dan mutu yang tinggi dan dengan itu teori ini juga disebut sebagai teori keunggulan (Mana Sikana, 1996).

Teori ini mengutarakan kaedah untuk menilai sesebuah karya itu perlu berlandaskan tiga faktor, iaitu pengarang, teks dan khalayak (Abdul Rahman Napiah, 1996). Falsafah teori menggagaskan bahawa setiap pengarang itu mempunyai hasrat untuk melahirkan karya yang bermutu, karya yang memiliki nilai yang tinggi, keunggulan serta mampu menyaingi teks-teks yang

sedia ada, sama ada yang dihasilkan sendiri mahupun pengarang lain. Bagi mencapai tahap keunggulan, seseorang pengarang seharusnya memiliki keberanian untuk mengemukakan idea dan pemikiran yang baharu dan bersedia untuk melakukan inovasi atau pembaharuan. Lantaran itu, pengarang sewajarnya mempunyai kebijaksanaan iaitu sifat yang mendorong pelaksanaan ataupun penciptaan teks dengan penuh kesedaran dan tanggungjawab dan bergerak dalam landasan keilmuan. Tanpa keberanian dan kebijaksanaan, teks-teks yang dihasilkan akan bergerak dalam ruang lingkup tradisinya yang klise dan tidak mencapai taraf *new grand narrative* yang di dalamnya tersembunyi pemikiran-pemikiran besar ataupun ideologi yang bersifat ontologikal. Dalam teorinya ini, Mana Sikana (2006) telah mengemukakan satu prinsip utama untuk menganalisis keperibadian atau jati diri pengarang, iaitu prinsip keperibadian atau individualisme.

Prinsip Keperibadian atau Individualisme

Prinsip individualisme ataupun keperibadian ini merupakan analisis terakhir dalam Teori Teksdealisme dan bahagian paling tinggi untuk dibincangkan terhadap sesebuah teks atau seseorang pengarang. Mana Sikana (1996) telah menggariskan empat kriteria untuk mengenal pasti pembinaan individualisme seseorang pengarang, iaitu stail individu, reka cipta individu, kedirian individu dan tindakan individu. Stail individu (*individual style*) banyak merujuk pada aspek bahasa yang digunakan seseorang pengarang itu sehingga berhasil mencipta gaya bahasanya sendiri. Reka cipta individu (*individual in design*) merujuk pada teknik, kaedah dan mekanisme penciptaan. Pengarang dikenali jati dirinya melalui karya-karya yang dihasilkannya. Cara seseorang dalam menyusun teksnya akan menggambarkan peribadi penulisnya (Mana Sikana, 1996). Kedirian individu (*individual self*) merupakan identiti pengarang itu. Setiap pengarang itu mempunyai ciri dan sifat watak yang tersendiri dan cara membinanya pun tersendiri juga. Pengarang seperti ini akan berjaya mencipta gagasan ataupun *individual idealisme* yang akhirnya akan dapat membezakan antara

seseorang pengarang dengan pengarang yang lain. Proses individualisme ini akan tiba pula pada tahap *individual author*, iaitu tahap jati diri pengarang. Demikian juga akan dicapai oleh pengarang-pengarang sedia ada atau pengarang muda apabila menunjukkan pengukuhan dan pengejapan terhadap sesuatu ideologi dalam kepengarangannya.

Tindakan individu merujuk kepada bagaimana seseorang pengarang itu melakukan tindakan-tindakan dalam penulisannya. Tindakan memerlukan ilmu, renungan dan keberanian. Menurut Mana Sikana (1996), pengarang-pengarang yang telah mencapai individualismenya sering bertolak daripada tradisinya. Beliau memberikan Marquez seorang pengarang Amerika Latin sebagai contoh, yang menurut beliau bahawa unsur-unsur fantasi, ilusi dan fragmentasinya yang terkumpul dalam realisme magisnya itu adalah manifestasi bangsanya yang masih kuat berpegang pada kepercayaan-kepercayaan tersebut. Mana Sikana (1996) menegaskan untuk mencapai jati diri, tidak ada pancasona atau magis apalagi mukjizat. Perkara yang harus pengarang lakukan ialah memugarkan dirinya, menggunakan segala radium yang dimilikinya dan merencana segala kerja dengan sistematik dan logis.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Prinsip keperibadian ini menuntut setiap pengarang haruslah berusaha untuk menghasilkan atau menciptakan sifat keperibadian atau individualisme masing-masing. Dalam usahanya, tidak semua akan mencapai apa yang dicita-citakan. Bagi menganalisis pembinaan individualisme Faisal Tehrani, kajian ini akan menganalisis semua aspek dalam prinsip individualisme, iaitu subjektiviti, stail individu, reka cipta individu, kedirian individu dan tindakan individu.

Subjektiviti

Subjektiviti merujuk kepada usaha pengarang atau teks dalam mengungguli dirinya. Kaedah seseorang pengarang menjaring idea,

memilih isinya, memunggah saratan bahannya, mematangkan dan mengejapkan yang identik dengan pembinaan subjek pengarang. Ada pengarang yang terlalu tergoda dengan persoalan nasib bangsanya, lalu memilih subjek-subjek yang berkaitan dengan pembinaan kuasa dan kepertuannya, ada pula yang tertarik dengan dunia kewanitaan sehingga alam dan naluri kewanitaan yang disubjektivitinya. Bagi menjelaskan aspek subjektiviti, perlu menyorot kepada ideologi yang mendokong novel-novel yang dihasilkan. Ideologi merupakan praaspirasi kepada pengarang yang terbentuk sewaktu seseorang pengarang itu menghasratkan dirinya untuk menjadi pengarang. Subjek-subjek pengarang akan membina subjek karya sehingga khalayak mengenali identiti subjeknya (Mana Sikana, 2006).

Merujuk kepada Faisal Tehrani, sebagai seorang pengarang Melayu Islam dan berpendidikan agama yang tinggi, sudah pasti mempamerkan ideologi berasaskan agama dan bangsanya. Faisal Tehrani telah menjadikan subjek Melayu dan Islam sebagai tunjang untuk membentuk keperibadiannya. Isu-isu dan subjek-subjek yang dikupasnya mempunyai persamaan secara langsung dan tidak langsung dengan subjek-subjek yang digarap oleh pengarang-pengarang sastera mapan lain dalam negara. Subjek yang menyerlahkan dalam novel-novel Faisal Tehrani ialah politik dan kepimpinan, peranan golongan belia, kemiskinan dan keagamaan. Semua subjek ini dilihat sudah difokuskan seawal novel *PPM* sehingga novel mutakhirnya, iaitu *Bahlut*. Subjek politik dan peranan pemimpin yang diungkapkan mengenai masalah dalam masyarakat dan negara terus berlaku disebabkan sikap pemimpin yang tidak bertanggungjawab, tidak amanah, tidak bermoral dan mementingkan diri daripada masyarakat di bawah tanggungjawabnya. Misalnya dalam novel *PPM*, subjek ini ditampilkan melalui watak Datuk Zuri dan Tan Sri Yadi. Melalui watak-watak ahli politik ini digambarkan lebih berjuang untuk mengekalkan kuasa dan kedudukan daripada membela masyarakatnya. Begitu juga dalam novel *SsPJ* watak pemimpin yang digambarkan melalui watak ayahanda Ungku Nur dan Norhishamuddin yang dilihat mementingkan diri, kuasa dan

kedudukan daripada menjalankan amanah yang diberikan. Peranan dan pengabaian pemimpin diteruskan dalam novel *TTD* dan *Bahlut*.

Subjektiviti seterusnya yang mendominasi novel-novel Faisal Tehrani ialah mengenai golongan belia. Golongan belia yang dicipta menggambarkan seorang yang berjiwa besar, kental, berani, intelektual, patriotisme, nasionalisme dan lain-lain lagi yang disesuaikan dengan penghasilan karyanya. Umpamanya dalam novel *PPM* memaparkan subjek golongan muda yang berjuang untuk membela nasib, maruah dan hak yang dilakukan oleh kuasa ahli politik atau golongan birokrat. Melalui novel ini, Faisal Tehrani telah membina beberapa pemuda-pemudi yang gigih, berani, tekun dan berusaha untuk membongkar perbuatan ahli-ahli politik yang sekian lama terlindung di sebalik kekuasaan, pengaruh, kekayaan dan kehebatan pada pandangan mata masyarakat dan penyokongnya. Sikap dan sifat ahli politik yang tidak berakhlak dan berintegriti ini digambarkan melalui Datuk Zuri dan Tan Sri Yadi, manakala sekumpulan muda-mudi yang berjuang dan bertindak untuk menegakkan keadilan ini diketuai oleh Irfan yang dibantu oleh Jenny dan Chai Yin.

Novel *1515* pula memaparkan subjek golongan belia yang lebih besar. Golongan belia yang ditampilkan mempunyai semangat juang yang tinggi, beriman, berani dan bijak untuk menghadapi serangan daripada pihak penjajah yang lebih hebat. Golongan belia ini telah diangkat sebagai golongan yang penting kepada negara dalam perjuangan untuk mempertahankan agama, bangsa dan negara daripada penjajahan Barat. Subjek perjuangan ini diambil daripada peristiwa kedatangan Portugis di Melaka pada tahun 1515. Pada tahun tersebut kerajaan Melaka telah jatuh kepada penjajahan Portugis. Subjek perjuangan olhe golongan belia ini digambarkan melalui watak Nyemah Mulya bersama sekumpulan remaja telah berjuang untuk 4mempertahankan negeri Melaka daripada serangan tentera Portugis.

Sementara itu dalam *1511H[Kombat]* pula, mengetengahkan subjek agama. Dalam novel ini digambarkan berlakunya usaha pihak Barat untuk menghancurkan agama Islam pada tahun 1511H atau 2083 Masihi. Usaha pihak Barat ini telah

dikesan oleh pihak Islam yang diketuai oleh Hajah Nusaybah lalu membentuk Angkatan Tentera Islam bagi menghadapi serangan pihak Barat yang diketuai negara Amerika Syarikat dan negara-negara sekutunya. Perjuangan ini diketuai oleh anak muda dari Tanah Melayu, iaitu Muhammad Ameen dan dibantu oleh 10 orang anak-anak muda dari pelbagai negara yang menggelarkan kumpulan mereka sebagai Gabungan Tentera Islam. Subjek mengenai perjuangan belia diberi pengukuhan dan pemantapan dalam novel *TTD*. Novel ini membawa konsep perjuangan yang agak berbeza dengan novel-novel terdahulu. Novel ini memperlihatkan perjuangan anak-anak muda yang ditampilkan melalui Salsabila dan Teh Sofia dalam mencapai cita-cita mereka untuk menjadi pengusaha penanaman betik yang berjaya. Dalam mencapai cita-cita tersebut mereka berhadapan dengan pelbagai halangan dan kekangan daripada pihak berkuasa, birokrasi, pemimpin rakyat dan lain-lain lagi.

Subjektiviti mengenai golongan muda diperkukuh dalam *Bahlut*. Namun begitu, penciptaan golongan muda dalam novel ini berlainan kerana mengambil watak daripada anak orang asli. Faisal Tehrani telah melakukan pembaharuan dengan mencipta watak anak-anak orang asli yang sudah berpendidikan, berani, memiliki semangat perjuangan yang tinggi dan bijak. Penciptaan watak ini melanggar sikap dan sifat anak-anak muda orang asli yang lazimnya bersikap pesimis, malas, pemalu dan masih mengamalkan cara hidup asal mereka. Dalam novel ini, digambarkan perjuangan yang dilakukan oleh Bahlut seorang anak muda daripada suku kaum Semai. Bahlut telah menggunakan kebolehan dan kedudukannya untuk membela nasib penduduk kampungnya yang dianiyai oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Perjuangan dan kesungguhan serta keberanian Bahlut untuk membela dan mengembalikan hak masyarakatnya dapat dilihat dalam petikan di bawah:

Dia masih ingat bagaimana enam bulan lalu dia merancang dengan Abang Zaiful. Pelan A ialah mendapatkan pingat sukan SEA, dan memulangkan pingat itu semula jika kerajaan termasuk polis dan

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah tidak turun padang mengambil tindakan terhadap apa yang telah berlaku di kampungnya

(*Bahlut*, 2010; 356).

Subjek seterusnya yang menjadi subjektiviti Faisal Tehrani ialah agama. Subjektiviti agama ini menjadi subjek berterusan dalam novel-novelnya seiring dengan latar belakang dirinya yang menerima pendidikan agama. Beliau secara sedar dan tersirat mengemukakan nilai-nilai dan ajaran agama Islam kepada golongan muda khususnya. Antara ajaran agama yang diungkapkan ialah mematuhi ajaran agama Islam seperti mengejakan solat, haji, umrah, membaca al-Quran dan sebagainya. Selain itu, memupuk semangat dan sikap yang lebih besar kepada golongan muda seperti berjihad, berjuang, berani dan sebagainya. Bagi memastikan ajaran Islam ini berkesan disisipkan dengan petikan al-Quran, hadis dan peristiwa-peristiwa zaman Rasulullah SAW dan para sahabat untuk direnungi oleh pembacanya. Pemaparan subjektiviti ini dapat dikesan dalam *PPM*, *1515*, *1511H[Kombat]*, *SsPJ* dan *TTD*. Faisal Tehrani menyerlahkan nilai-nilai ajaran agama melalui watak-wataknya. Watak-watak yang dipilih menunjukkan pegangan agama yang kukuh dan berhadapan dengan konflik atau masalah. Sebagai contoh, dalam *PPM* watak beragama ditampilkan menerusi watak Haji Chenon, Irfan dan Mak Milah. Watak Haji Chenon seorang yang mempunyai pegangan agama yang kukuh dan taat dengan ajaran agama Islam.

Sementara itu dalam novel *1511H [Kombat]* pula memaparkan watak-watak yang taat kepada ajaran agama. Usaha menerapkan ajaran agama ini disampaikan melalui watak Hajah Nusaybah, Muhammad Ameen dan angkatan tentera Islam yang dibentuk oleh Hajah Nusaybah. Watak Hajah Nusaybah digambarkan berusaha untuk mengembangkan agama Islam dengan membelanjakan sebahagian besar harta kekayaannya untuk memperjuangkan agama Islam. Dalam novel *SsPJ*, watak yang beriman dan patuh kepada ajaran agama ditunjukkan pada watak Ungku Nur dan Tuk Hamidah. Kedua-dua wanita ini digambarkan

begitu tabah, cekal, berani dan bersemangat tinggi untuk menghadapi masalah dalam kehidupan. Selanjutnya dalam *TTD* pula ditampilkan melalui watak Salsabila dan ibu tirinya yang taat kepada ajaran agama. Watak Salsabila digambarkan mengamalkan cara hidup agama seperti cara berpakaian yang menutup aurat, mengerjakan solat, mengerjakan umrah dan sentiasa berzikir serta mengaji al-Quran. Menerusi novel *Bahlut*, ajaran agama Islam ditampilkan melalui watak Ustaz Zaidi dan Mak Su Suraya yang mentaati agama Islam. Antara ajaran agama yang diutarakan ialah mengerjakan solat dan membaca al-Quran.

Kemiskinan turut menjadi subjektiviti dalam kepengarangan Faisal Tehrani. Beliau melihat isu kemiskinan merupakan satu masalah sosial yang berterusan dalam negara dan sukar ditangani sehingga kini. Secara tersurat atau tidak langsung subjektiviti kemiskinan menjadi fokus dalam novel-novelnya. Subjektiviti ini dapat dikesan dalam novel *PPM*, *TTD* dan *Bahlut*. Dalam novel *PPM*, kemiskinan yang diungkapkan dialami oleh masyarakat di desa, iaitu di Kampung Jentayu. Masyarakat di desa ini hidup dalam kemiskinan dan bergantung hidup dengan mengerjakan tanaman padi. Keadaan kemiskinan digambarkan melalui watak Haji Chenon, Mak Milah dan Jora. Keadaan kehidupan mereka yang miskin disebabkan oleh pihak-pihak tertentu yang melakukan penganiayaan secara tersembunyi terhadap mereka. Seterusnya, isu kemiskinan ini dikemukakan dalam novel *TTD*. Dalam novel ini keadaan hidup miskin ditampilkan menerusi watak Sazli dan keluarganya. Oleh sebab kemiskinan yang dihadapi mendorong Sazli bekerja secara sambilan di ladang betik milik Salsabila bagi mendapatkan wang untuk melanjutkan pengajian di luar negara. Sementara itu dalam novel *Bahlut*, kemiskinan yang diungkapkan berlaku dalam masyarakat peribumi yang tinggal jauh di pedalaman. Keadaan mereka bukan sahaja dalam kemiskinan tetapi tidak menerima kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik. Kemiskinan ini digambarkan pada watak Bahlut, Kabut dan Madi serta penduduk kampung Bahlut. Oleh sebab kemiskinan ramai ibu bapa tidak menghantar anak-anak ke sekolah setelah tamat sekolah rendah kerana menghadapi masalah kewangan. Oleh

itu anak-anak hanya belajar di peringkat sekolah rendah dan tidak menerima pendidikan tinggi untuk membolehkan mereka mendapatkan peluang pekerjaan yang lebih baik.

Stail individu

Stail individu merujuk kepada aspek bahasa yang digunakan pengarang sehingga berhasil mendapatkan bahasanya sendiri (Mana Sikana, 2006). Menurut Shahnnon Ahmad (1994) gaya bahasa menjadi *trade-mark* kepada sasterawan. Kekerdilan pengarang diakibatkan oleh kekerdilan dalam penggunaan bahasa. Untuk mengatasinya seseorang mestilah mempertajam daya kreativiti, belajar daripada orang yang lebih matang dan berani mengolah gaya baharu. Bahasa dalam kesusasteraan berbeza dengan bahasa komunikasi lain kerana di dalamnya terkandung nilai estetik, iaitu nilai yang boleh membangkitkan pearsaan seseorang (Keris Mas, 1990).

Menurut Faisal Tehrani (2007) gaya bahasanya berubah mengikut kesesuaian genre dan kategori penulisan. Sekiranya menulis karya untuk remaja, gaya bahasanya akan disesuaikan dengan pembaca remaja dan begitulah untuk sasaran pembaca dewasa. Tujuan gaya bahasanya berubah supaya dirinya sendiri tidak bosan dan pembaca tidak jemu. Sebagai pengarang yang prolifik dan proaktif berkarya, pasti Faisal Tehrani berusaha untuk membina diri dengan identiti tersendiri. Oleh itu, novel-novel yang dihasilkan menunjukkan stail dan gaya bahasa berbeza dari segi ketepatan, keaslian, segar, menarik dan puitis. Gaya bahasa yang digunakan agak cermat, berhati-hati dan teliti bagi memastikan penggunaan ayat, pemilihan diksi dan ungkapan dapat menonjolkan ciri-ciri individunya. Faisal Tehrani juga dilihat mementingkan aspek bahasa dalam karyanya. Terdapat penggunaan gaya bahasa yang tinggi dalam novel-novel tertentu sesuai dengan kemodenan dan keintelektualan dalam menghasilkan karya berdasarkan subjek dan pemikiran yang hendak disampaikan. Unsur bahasa yang digunakan ialah diksi, gaya bahasa, similie, metafora, personifikasi, repitisi, ayat, penggunaan

bahasa asing, peribahasa dan termasuk di dalamnya ucapan bahasa dan masyarakat yang diwakilinya (dialek) dan unsur-unsur lain bahasa seperti suasana hati (*mood*), tahap narasi dan sebagainya (Talib Samat, 2010).

Semua novel yang dikaji tidak terlepas daripada penggunaan bahasa yang ringkas, pendek, kemas dan sebagainya telah menjadi stail kepengarangannya. Sungguhpun begitu, Faisal Tehrani berjaya memaparkan suasana yang natural, bersahaja, melancarkan penceritaan, membentuk perwatakan dan mendorong pembaca menghayati isi cerita yang disampaikan. Lebih daripada itu, bahasa yang digunakan mampu menyampaikan kenyataan-kenyataan sosiologisme, protes sosialnya dan mengesankan. Penggunaan gaya bahasanya tidak mengelirukan pemikiran dan perutusan yang hendak disampaikan. Berikut dikemukakan contoh-contoh penggunaan bahasa yang ringkas dan kemas tetapi membawa maksud mengenai sesuatu yang hendak disampaikan:

Haji Chenon tidak bersuara. Raut wajahnya tidak menunjukkan sebarang reaksi. Keseriusan orang tua berusia lebih 80 tahun ini menggerunkan Datuk Zuri. Ternyata pandangan mata tua itu sungguh tajam dan ia menusuk. Kita mesti lakukan apa sahaja, berkorban maksud saya, untuk negara, untuk kesejahteraan umum supaya semua orang dapat menikmati segala-galanya. Kita tak boleh pentingkan diri sendiri (*PPM*, 2000, hlm. 83).

Ini sahaja ubatnya. Tawan orang Islam, jadikan kota suci mereka tebusan dan dunia akan aman. Chechen akan kekal dalam Persekutuan Rusia. Dunia akan aman. Benar-benar aman. Semua teroris akan mati. Begitu dia berfikir (*1511H[Kombat]*, 2004, hlm. 282).

Hujan teduh. Akhirnya kami tiba. Kota Ericeira. Alangkah baik kalau saya tidak perlu ke sini seorang diri. Maude. Kenangan bersama Maude ada di sini, terbenam di Lautan Atlantik. Setelah puluhan tahun, pahit pilu itu masih bersarang dalam jantung saya. Masih terngiang di

telinga saya dan gambaran itu tidak akan hapus terus dari mata (1515, 2003, hlm. 215).

Bahlut sedang melakukan senaman ringan, melompat dan menghayun kaki ke paras tubuh. Dia tahu, salah satu persediaan untuk memecut memerlukan *nervous system* segera diaktifkan, supaya lariannya penuh ledakan dan dapat memecut laju

(Bahlut, 2010:169).

Faisal Tehrani turut menerapkan bahasa asing atau kosa kata bukan Melayu dalam novel-novelnya. Penerapan bahasa-bahasa lain seperti bahasa Arab, Inggeris, peribumi dan dialek membuktikan Faisal Tehrani seorang pengarang yang menguasai pelbagai bahasa. Penggunaan bahasa-bahasa tertentu ini disesuaikan dengan watak, latar dan subjek ceritanya. Sebagai contoh, penggunaan kosa kata Arab dapat dikesan dalam *PPM, 11511H [Kombat], SsPJ* dan *TTD*. Dalam ketiga-tiga buah novel ini, terdapat kosa kata bahasa Arab yang mempunyai kaitan dengan cerita atau situasi yang disampaikan kepada pembacanya. Sebagai contoh penggunaan kosa kata dapat diteliti dalam petikan di bawah:

Allah menganugerahkan *istidraj* kepada orang fasik supaya mereka terus fasik. Pemimpin jahat akan terus diberi kemudahan berbuat jahat supaya mereka terus gila dengan kejahatan. Azab ditangguh dahulu, mereka pun asyik dan seronok berbuat jahat. Inilah pemimpian serupa Firaun. Dan hati mereka tertutup, tempat mereka dalam kawah yang bernyala, kalau dikasihani Allah, dan iya, Dia itu Maha Pengasih, barangkali tidak apa-apa... (*PPM*, 2000:153-154).

“Jihad ialah satu fardu yang berterusan, tidak ada had masa atau zaman. Ia bertambah sah kerana jihad ini adalah untuk menentang *fasad, tughyan, hawa* dan *kufr*. Sedangkan jihad disangka oleh Barat sebagai perang,

berbunuh-bunuhan tanpa sebab melainkan untuk kebendaan.” (1511H[Kombat]. 2004:159).

Puji itu bagi Tuhan yang memenuhkan segala *muhibbin* dengan *asywaq*, dan selawat atas Nabi dan keluarganya yang mempunyai *makarmul* akhlak. Memaklumkan kepada hadrat dengan *hazihil wariqah*, supaya jadi ganti adinda datang ziarah dan *mu’anaqah al-mawaddah* (SsPJ, 2005:40).

Keperluan sebagai manusia sudah melebihi asas dan yang lapang, *al-daruriyyat* dan *al-hajjiyyat*, bahkan kami sekarang telah melepasi dua takah itu dan berada dalam kedudukan *al-tahsiniyyat*, kemelimpah-ruahan rezeki (TTD, 2008: 554).

Berdasarkan petikan di atas, terdapat beberapa kosa kata Arab yang disisipkan dalam ayat bagi menyampaikan sesuatu peristiwa, pemikiran dan mesej dalam novel-novelnya. Pemilihan kosa kata bahasa Arab yang dipilih ini disesuaikan dengan tema, persoalan dan subjek yang hendak disampaikan. Namun begitu pemilihan kosa kata bahasa Arab ini dilihat sangat tinggi makna dan sukar difahami oleh pembaca yang sekiranya tidak memahami maksud yang hendak disampaikan. Misalnya kosa kata Arab yang sangat banyak dalam novel *1511H[Kombat]*, *TTD* dan *SsPJ* menyebabkan pembaca terganggu membaca serta sesuatu yang ingin disampaikan tidak dapat diterima dengan berkesan oleh pembaca.

Selanjutnya Faisal Tehrani turut mengambil bahasa Inggeris dan diserapkan dalam novel sama ada dalam dialog, monolog dan sepanjang plot penceritaan. Penggunaan bahasa Inggeris ini dilihat bukan untuk menambahkan bahasa tetapi kosa kata yang dipilih membawa makna, kesan dan tujuan tersendiri bagi cerita yang disampaikan. Penggunaan bahasa Inggeris ini telah dimasukkan dalam novel awal hingga novel mutakhirnya. Sebagai contoh penggunaan bahasa Inggeris yang digunakan tetapi membawa makna yang sesuai dengan tema, pemikiran, subjek dan persoalan yang digarap.

Indeed... Palel terus ketawa dan dalam ketawa yang tidak menurun dia bersuara pasti. *Yes.. yes Tan Sri, you are going to hear a very good news.* Berita cantik untuk *you* dimanipulasikan (PPM, 2000, hlm. 55)."

"Kelekatan atau *attachment* aku kepada keghairahan terhadap Kamil adalah sumber ketidak bahagiaan aku

(TTD, 2008:8).

Seterusnya dalam novel *1511H[Komnbat]*, terdapat banyak kosa kata bahasa Inggeris yang disisipkan dalam petikan dialog, monolog dan plot penceritaan untuk menjadikan cerita lebih menarik dan berkesan. Kebanyakan bahasa Inggeris yang diungkapkan bersesuaian dengan tema, persoalan, tempat dan perwatakan yang dibinanya. Antara kosa kata bahasa Inggeris yang disisipkan ialah *bazooka, turret, cyborg, skyguard, sarcos* dan *head up display*.

Selain itu, Faisal Tehrani terus membentuk stail individualisme melalui penggunaan bahasa yang bersifat kasar, tajam dan kesat bagi mengayakan bahasa yang digunakannya. Penggunaan bahasa ini menunjukkan Faisal Tehrani cuba menyelami dan memaparkan pemikiran, perasaan dan kritikan bagi sesuatu yang perkara atau isu yang disampaikan. Penggunaan kata-kata kesat, kasar dan menyakitkan hati diterapkan dalam dialog, monolog dan monolog dalaman watak-wataknya. Penggunaan kata-kata kesat ini dikesan dalam *PPM, 1515, TTD* dan *Bahlut*. Sebagai contoh penggunaan ini dapat dilihat dalam petikan di bawah:

Eii, penyapu buruk... setiap hari kau datang lambat! Kau ingat akhbar ini datuk kau punya? Aku sumpah jadi pintu peti ais baharu tahu... tu banjangan di dalam sudah menanti. Dia dah menunggu kau sejam lamanya. Banjangan? Irfan seperti tersedak. (PPM, 2000: 8).

Bodoh punya Yahudi. Atau sebetulnya bodoh punya Amerika kerana mengikut telunjuk Yahudi (1511H[Kombat], 2004:100).

Telefon bimbit! Bodoh! Saya meraba lagi tubuh meja yang berselerak dengan fail dan alat tulis (TTD, 2008:145).

“Bodoh!” kata Razak kepada Bahlut seraya meludah ke tebing trek yang dibajui rumput hijau”

(Bahlut, 2010:129).

Berdasarkan beberapa petikan di atas, memperlihatkan penggunaan kata kasar dalam bahasa dalam bahasa Melayu dan masyarakat Melayu. Kata kasar yang diungkapkan secara berterusan dalam novel ialah ‘bodoh’. Kata kasar ini berperanan menggambarkan perasaan dan sikap Faisal Tehrani semasa mengarang atau mengolah idea bagi sesebuah novelnya. Penggunaan kata kasar seumpama itu untuk menggambarkan perasaan marah, geram, kritikan dan sindiran terhadap pihak tertentu yang melakukan kesalahan, kezaliman, penganiayaan dan sebagainya. Misalnya dalam novel 1511H[Kombat], terdapat banyak penggunaan kata kasar seperti ‘bodoh’, ‘gila’ dan ‘anjing’ diungkapkan bagi menunjukkan sikap dan sifat marah, geram dan kecewa terhadap pihak Barat yang berterusan ingin menghancurkan agama Islam.

Di samping menunjukkan penguasaan dalam bahasa asing dengan baik, didapati Faisal Tehrani juga mementingkan gaya bahasa kiasan dalam novel-novelnya. Hashim Awang (1987) mengatakan bahasa kiasan ialah bahasa imaginatif yang membawa maksud lain daripada apa yang tertulis. Bahasa kiasan timbul apabila seseorang menghubungkan fikirannya dengan sesuatu yang lain. Terdapat tiga jenis gaya bahasa kiasan yang diungkapkan dengan ketara, iaitu simile, personifikasi, metafora dan perulangan. Penggunaan gaya kiasan dapat menghidupkan suasana, mood, situasi dan juga menghidupkan serta memperluas rasa, sensitiviti dalam makna dan erti (Keris Mas, 1990). Gaya bahasa kiasan yang dibina secara berterusan dalam novel-novelnya ialah personifikasi,

simile, metafora dan pengulangan. Faisal Tehrani telah mengambil unsur alam dan persekitaran sebagai sumber kepada penciptaan gaya bahasa kiasan untuk menggambarkan situasi, watak dan perwatakan, perasaan dan latar dalam penceritaannya.

Reka cipta individu

Reka cipta individu atau *individual in design* merujuk kepada teknik, metode dan mekanisme penciptaan tekstualisme dan pengkaryaanannya (Mana Sikana, 2015). Bagaikan seorang arktitektur yang dapat dianggap keperibadiannya melalui bangunan-bangunan yang didirikannya, seorang pengarang pun akan dikenal jatidirinya melalui karya-karya yang dihasilkan. Cara ia menyusun teksnya akan menggambarkan peribadi penulisannya (Mana Sikana, 2006). Teknik yang diolah dengan sempurna akan melahirkan sebuah tubuh karya yang sasa. Teknik tidak sekadar tuntutan naratif, tetapi sebagai unsur tipifikasi yang menjadi hukum dasar pengembangan karya, supaya segala kompleksiti terjelma dan teks teradun menjadi kuat dan mengesankan (Mana Sikana, 2012). Berdasarkan novel-novel yang dikaji, Faisal Tehrani berusaha untuk membentuk reka cipta individual tersendiri dalam novel-novel yang dihasilkannya. Faisal Tehrani sangat sedar kepentingan teknik dalam penulisan. Oleh itu beliau telah mengadun segala aspek tekstual, tuntutan kontekstual dan unsur-unsur dalam novelnya dengan berhati-hati dan kekemasan. Karya yang kuat tekniknya melambangkan bangsa penulisnya yang tinggi mutunya. Teknik sesungguhnya refleksi kognisi dan gaya hidup sesuatu bangsa itu (Abdul Rahman Napiah, 2012).

Kelainan teknik oleh Faisal Tehrani adalah dengan mengambil fakta atau peristiwa sejarah sebagai subjek penghasilan novelnya. Dalam *1515* (2003) dan *SsPJ* (2005) umpamanya, hipogram yang dibina dengan mengambil peristiwa-peristiwa lampau, yang membentang segala pengalaman sejarah untuk dirumuskan dengan keterkiniannya tetapi secara idealistik. Dengan reka cipta yang sesuai, dapat memperlihatkan ketelitian dan ketekunan mencipta cerita daripada unsur sejarah tanah air yang

dianggap penting dan menarik untuk dipersembahkan dengan bentuk dan gaya baharu. Makna yang ditarik bagaikan sesuai dengan kalangan *new historicisme*, iaitu *double voice* dan ekstensyennya, juga *the orthernya*. Teori *New Historisisme* menetapkan aras untuk mencari makna bagi mencapai idea teks. Setelah mencapai idea teks, maka dikaitkan pula pemikiran (ideologi) pengarangnya (Abdul Halim Ali, 2006).

Faisal Tehrani turut menggunakan teknik arus kesedaran atau *stream of conciousness* dalam beberapa novel yang dikaji. Teknik arus kesedaran atau aliran kesedaran merupakan aliran pemikiran dan kesedaran yang bergerak dalam minda (Rahman Shaari, 2001). Faisal Tehrani menampilkan watak-watak dengan menggunakan teknik kesedaran ini dengan banyak menggunakan tuturan berbentuk monolog atau bercakap dan interior monolog atau cakapan dalaman. Teknik ini sangat sesuai kerana watak utama berperanan penting dalam mengembangkan plot dan watak-watak sampingan hanya sebagai penguat kepada watak utama cerita. Selain itu, karya-karya yang menggunakan teknik ini berupaya menonjolkan pemikiran dengan bebas lagi terbuka.

Faisal Tehrani dilihat banyak menggunakan teknik arus kesedaran. Teknik arus kesedaran atau aliran kesedaran merupakan aliran pemikiran dan kesedaran yang bergerak dalam minda (Rahman Shaari, 2001). Faisal Tehrani menampilkan watak-watak dengan menggunakan teknik kesedaran ini dengan banyak menggunakan tuturan berbentuk monolog dan monolog dalaman. Teknik ini sangat sesuai kerana watak utama berperanan penting dalam mengembangkan plot dan watak-watak sampingan hanya sebagai penguat kepada watak utama cerita. Selain itu, karya-karya yang menggunakan teknik ini berupaya menonjolkan pemikiran dengan bebas lagi terbuka. Penggunaan teknik kesedaran ini begitu jelas dalam novel *PPM*, *1515*, *SsPJ* dan *TTD*, terutama pada watak-watak penting dalam novel-novel tersebut. Melalui aliran ini Faisal Tehrani tidak terlalu mengekang kebebasan gerak dan pemikiran watak-wataknya. Malahan watak-watak yang dicipta berada dalam posisi yang lebih realisti dan berkembang dengan baik bagi menyampaikan pemikiran, persoalan dan mesej.

Kedirian individu

Kedirian individu atau *individual-self* merujuk cara pengarang mengidentifikasi watak. Kedirian individu memperkenalkan persona kepengarangan (Mana Sikana, 2015, p. 78). Setiap penulis itu mempunyai ciri dan sifat watak yang tersendiri dan cara membinanya pun tersendiri juga. Penggunaan sudut pandangan orang pertama seperti 'aku' atau 'saya' akan mengemukakan refleksi pengalaman yang dialami sendiri (Mana Sikana, 2006). Sehubungan itu, kedirian individu menunjukkan proses pembinaan diri pengarang dalam penciptaan teks-teks sastera (Mana Sikana, 2015).

Kajian mendapati pembinaan diri Faisal Tehrani diimejkan melalui penampilan watak sama ada watak utama dan sampingan tetap diberi peranan yang bermakna dalam memberi nyawa kepada cerita. Malahan setiap novel juga menunjukkan kepelbagaian untuk cara membina watak bagi disesuaikan dengan pemikiran, latar, bahasa dan sebagainya. Pembinaan diri Faisal Tehrani dapat dicungkil melalui pemilihan sudut pandangan watak sama ada menggunakan 'aku' atau 'saya' yang jelas menunjukkan kediriannya. Sementara itu, terdapat beberapa novel tidak menunjukkan sudut pandangan seumpama itu, tetapi menggunakan sudut pandangan luar atau tidak khusus kerana menggunakan nama-nama watak sebagai pembinaan diri dalam karya yang dihasilkan. Kaedah ini dilakukan bagi menunjukkan kedirian Faisal Tehrani diwujudkan melalui nama-nama watak yang diciptanya.

Pembinaan diri Faisal Tehrani dapat dikenal pasti apabila menggunakan sudut pandangan 'saya' dalam *1515* dan *SsPJ*. Secara terus atau tidak langsung dua buah novel ini hasil daripada pemikiran terhadap peristiwa sejarah dan pengalaman Faisal Tehrani yang kerap ke luar negara. Sebagai seorang penulis yang mempunyai cita-cita yang tinggi dalam memartabatkan dunia penulisan tanah air, Faisal Tehrani sanggup menjelajah ke setiap pelusuk negeri seperti ke Indonesia, Timur Tengah, Eropah dan Turki bagi memperkaya bakat penulisannya (Wan Zaliha binti Wan

Othman, 2013). Menerusi penelitian dilakukan, dua buah novel ini memaparkan dengan tepat dan mendalam mengenai suasana latar daripada aspek sosial, masyarakat, geografi, topografi, pembangunan dan sebagainya. Tanpa pengalaman sebenar agak sukar untuk menyatakan keadaan sesuatu tempat itu dengan jelas, menyakinkan dan mendalam. Ini kerana maklumat yang diperolehi melalui media massa atau bacaan agak terbatas dan sukar dijelaskan dengan mendalam.

Dalam *1515* pula berlatarkan di dalam negara dan luar negara. Pengambilan sejarah negeri Melaka pada zaman kesultanan Melaka menghadapi serangan Portugis merupakan satu peristiwa penting yang mengubah sejarah dan lanskap pemerintahan Melayu di alam Melayu berpusat di Melaka. Fokus kepada peristiwa ini secara tidak langsung mempunyai simbiosis dengan latar belakang Faisal Tehrani yang berasal dari Melaka. Faisal Tehrani menetap di Kuala Lumpur selama lima tahun sebelum kedua-dua ibu bapanya berpindah kerana bertugas sebagai kakitangan kerajaan di Hospital Melaka. Faisal Tehrani ingin mengubah sejarah dan membuat penentangan sejarah bagi peristiwa serangan Portugis di negeri Melaka pada tahun 1515. Untuk menyampaikan cita-cita dan hasrat tersebut, Faisal Tehrani menggunakan 'saya' dan 'saya' yang mewakili dirinya bagi menyampaikan tujuan cerita yang disampaikan. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah:

Saya memejam mata lagi. Mengapa saya berminat dengan 1511? Biar saya susun semua ini satu-satu. Maude isteri saya. Dia kata, namanya Aminah Maude, lucu. Brown bapa mentua, kedua-duanya orang Inggeris. Frida? Dia ini orang apa pula? Berdasarkan kata-kata Maude, Frida bekas kekasih saya? Dam ibunya sering saya puja? Kemudian kenapa saya terlalu berminat dengan 1511? Apanya yang berlaku pada 1511 sehingga saya jadi terlalu asyik mengkaji? (*1515*, 2003:46).

"Saya nak gilap semula bahasa Turki saya. Dah lama tak praktik, takut berkarat". Ungku Nur ketawa buat-buat.

“Tak timbul soal nak bawa diri. Saya memang dah lama nak buat kajian ini. Kajian ini penting untuk saya, untuk dibuktikan kepada ayah juga”. Ungku Nur menyelurui wajah kakak sulung (SsPJ, 2005:4).

Faisal Tehrani gemar menghadirkan watak yang terdiri daripada pelbagai bangsa, kaum, agama, tempat dan lain-lain dalam novel-novelnya. Pembinaan pelbagai watak ini ada hubung erat dengan situasi negara yang terdiri daripada masyarakat majmuk. Selain itu, masyarakat Malaysia dihuni masyarakat peribumi terdiri daripada orang asli dan bumiputera di Sabah dan Sarawak. Masyarakat orang asli pula terdiri daripada pelbagai suku kaum seperti Semai, Temiar, Sakai, Jahai, Kensui, Mendriq, Mah Meri, Jah Hut dan lain-lain lagi. Sementara masyarakat peribumi bumiputera pula terdapat di Sabah dan Sarawak. Di Sabah terdiri daripada Kadazandusun, Murut, Bajau, Bugis dan lain-lain lagi dan bumiputera di Sarawak terdiri daripada kaum Dayak, Bidayuh, Iban, Bisayan dan lain-lain lagi. Setiap masyarakat peribumi mempunyai kelainan dan keunikan tersendiri dari sudut sosio budaya, sosial sosial, kepercayaan, bahasa dan sebagainya. Sehubungan itu, kehidupan masyarakat ini turut menarik perhatian Faisal Tehrani untuk dibina dan digarap dalam beberapa novel atau karyanya. Pembinaan kedirian Faisal Tehrani bagi membela dan memperjuangkan nasib masyarakat minoriti ini disampaikan dalam *Bahlut*.

Dalam novel *Bahlut*, telah ditampilkan masyarakat orang asli suku Kaum Semai di Pahang. Masyarakat ini digambarkan masih mengamalkan cara hidup tradisi dan ketinggalan dalam menikmati kemudahan seperti masyarakat lain. Kehidupan mereka yang jauh di pedalaman, tidak memiliki pendidikan tinggi dan mengamalkan cara hidup tradisi menjadikan mereka golongan yang lemah, mudah dianiyai, dieksploitasi dan ditindas oleh pihak-pihak yang ingin mendapatkan kepentingan tertentu. Namun begitu, kesedaran terhadap nasib dan kedudukan mereka ini telah diperjuangkan oleh seorang pemuda dari suku kaum Semai, iaitu Bahlut dan Kabut. Mereka telah berjuang untuk

menegakkan keadilan dan mempertahankan hak mereka daripada terus dirampas oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab.

Tindakan individu

Dalam membina individualisme pengarang, tindakan individu merujuk kepada bagaimana seseorang pengarang itu melakukan tindakan-tindakan dalam penulisannya. Tindakan ini memerlukan ilmu, renungan dan keberanian (Mana Sikana, 2006) yang lebih kepada sikap dan gerakan pengarang (Mana Sikana, 2015). Menurut Mana Sikana lagi, tindakan individu juga merujuk kepada usaha pengarang untuk menghasilkan karya yang boleh memberi pengaruh dan kesan kepada pembaca serta dunia kesusasteraan itu sendiri. Pada awal penglibatannya, gaya penulisan Faisal Tehrani dipengaruhi oleh gaya penulisan Shahnnon Ahmad kerana beliau banyak mempelajari dan mencontohi teknik penulisan sasterawan tersebut (Wan Zaliha binti Wan Othman, 2013). Dengan menjadikan pengarang-pengarang tersohor sebagai sumber rujukan dan inspirasi, dapat membimbingnya untuk berkarya. Sehubungan itu, Faisal Tehrani telah dikategorikan seorang penulis berbakat yang bakal meneruskan tradisi penulisan sastera Islam tanah air dan menjadi generasi pelapis yang berpotensi serta berbakat dalam mencipta kreativiti dalam nur Islam (Jelani Harun, 2004).

Pada awal penglibatannya, Faisal Tehrani turut terpengaruh dengan gaya penulis barat. Antaranya ialah Gabriel Garcia Marquez penulis kepada *“One Hundred Years of Solitude”*, yang banyak mengambil faktor dan latar geografi untuk dijadikan salah satu bahan penulisan yang berkait erat dengan politik. Implikasinya, beliau telah menghasilkan karya yang berbaur politik iaitu dengan novel *“Cinta Hari-hari Rusuhan”* dan novel ini mirip dengan novel oleh Marquez yang bertajuk *“Love in The Time of Cholera”*. Pengarang lain yang turut mempengaruhi Faisal Tehrani ialah penulis dari Portugal, iaitu Jose Saramago. Beliau mengkagumi gaya penulisan Jose Saramago yang lebih kepada penulisan berbentuk fiksiyen. Selain itu, beliau turut berminat dengan penulis-penulis dari negara China, iaitu Mo Yan dan Kadare dari Albania. Bagi

penulis seperti Hassan Hanafi dan Tasliman Nasrin pula, beliau berminat terhadap aspek pemikiran dalam penulisan mereka. Bagi penulis Zhang Yi Mou dan Pedro Almadovav pula beliau berminat kerana kebolehan mereka dalam aspek watak dan kaedah bercerita (Wan Zaliha Wan Othman, 2013). Sementara itu bagi karya-karya oleh Irving Howe dan Vernon Scannel dibaca untuk mencari nilai dan kepuasan berkarya (Faisal Tehrani, 2008). Namun kini, melalui usaha-usaha berterusan tanpa mengenal erti jemu dan penat, Faisal Tehrani sudah menampakkan ciri individualisme berdasarkan legasi novel yang dihasilkan.

Tindakan individu juga menganjurkan supaya pengarang membuat perenungan atau pengamatan terhadap sesuatu yang berlaku di sekitaran, pengkajian, pemerhatian, pengalaman dan sebagainya yang boleh mencetuskan idea kepada pengarang. Faisal Tehrani dilihat seorang pemerhati yang aktif dan setiasa membuat renungan terhadap sekitaran dalam dan luar negara yang menarik perhatian dan menyentuh hati nalurinya. Melalui karya-karyanya juga, Faisal mengajak golongan pembaca kembali merenung diri sendiri dan memasukkan *ashabul kaffi* supaya golongan remaja dapat memantapkan landasan taqwa. Faisal Tehrani memilih untuk menampilkan peristiwa serangan Abrahah dan pembukaan kota Mekah dalam novel *1511[Kombat]*. Hal ini muncul bagi mengingatkan kuasa besar juga boleh tumpas dengan kekuasaan Allah SWT. Manakala peristiwa pembukaan Kota Mekah diangkat, ini kerana ia adalah peristiwa yang menunjukkan bahawa islam datang dengan kesejahteraan dan keamanan dan bukannya untuk menakluki atau menjajah (Che Suzielawati binti Ahmad, 2012).

Melalui tindakan dan daya usaha yang berterusan dalam menghasilkan karya-karya yang unggul dan berkualiti telah menunjukkan ciri keperibadiannya. Faisal Tehrani turut menunjukkan sifat dan tindakan tersendiri dalam berkarya. Sebagai bukti, Faisal Tehrani berusaha untuk menghasilkan karya secara prolifik dan menggarap pelbagai subjek, pemikiran, teknik dan bahasa yang tersendiri. Malahan beliau seolah-olah telah menunjukkan gagasan, prinsip dan pegangan yang tersendiri sebelum dan semasa menghasilkan karya. Menurut Faisal Tehrani

lagi mungkin ketentuan Allah S.W.T. kelahirannya di dunia untuk menceburi bidang sastera (Az Nur Rahman, 2004). Dalam novel-novel mutakhirnya, banyak menyuguhkan pendekatan Islam. Menurut Faisal Tehrani, dalam Sastera Islam khutbah merupakan genrenya dan sastera Islam itu mempunyai ciri-ciri yang sangat baik dan sangat berkesan untuk menyampaikan mesej dan pesanan. Ketika menghasilkan sesebuah karya, Faisal Tehrani meletakkan pelan tindakan untuk golongan remaja, iaitu mereka akan tahu apakah tanggungjawab mereka untuk masa hadapan khususnya untuk bangsa dan agama (Che Suzielawati binti Ahmad, 2012). Keadaan ini dibuktikan melalui pengakuan Faisal Tehrani (2004) mengatakan:

Novel-novel cinta murahan dan hiburan fantasi jauh lebih melesukan mereka. Saya sebenarnya menggunakan senjata Barat ke atas kita. Saya ambil senjata mereka dan saya kenakan mereka semula. Sekecil-kecil karya Barat, terutama yang diterbitkan di televisyen pastinya mengangkat Barat, semuanya propaganda Barat itu sahaja yang hebat. Jadi saya menggunakan senjata yang sama, saya angkat kehebatan bangsa dan agama kita-sebaliknya menyatakan kedaifan Barat.

Sebagai penulis yang mempunyai latar belakang agama yang mendalam, Faisal Tehrani menganggap kemunculannya dalam bidang sastera merupakan lorong Allah swt tunjukkan, yang memberikan ilham kepadanya dan kekuatan kepadanya. Bagi Faisal Tehrani, tidak perlu memikat setiap ahli masyarakat untuk meminati sastera, sebaliknya memadai jika sudah ada segelintir pembaca yang serius. Apabila menyentuh mengenai karya-karya, Faisal Tehrani menyifatkan bahawa masyarakat selalu memandang rendah kepada kemampuan intelektual remaja dengan menjangka semua mereka hanya sukakan hiburan sehingga terlupa memberikan kepada mereka sesuatu yang signifikan. Selain ingin berdakwah, Faisal Tehrani turut menyuguhkan pelbagai bentuk

ilmu atau disiplin ilmu pengetahuan kepada pembaca khususnya golongan remaja.

Di samping itu, Faisal Tehrani turut mempamerkan sikap keprihatinan terhadap isu-isu kemanusiaan serta kemasyarakatan di persekitarannya. Sebagai warga negara dan individu dalam masyarakat, harus bangkit untuk turut sama-sama menunaikan tanggungjawab bagi memberi kesedaran kepada generasi muda tentang peranan dan tanggungjawab kepada bangsa, negara dan agama. Sebagai individu biasa, agak terbatas untuk menyuarakan dan mengemukakan pandangan atau menyedarkan individu lain secara terbuka. Faisal Tehrani menjadikan teks dan karya-karya sebagai medium untuk menterjemahkan perasaan, pemikiran, mesej, nasihat, sindiran, teguran dan sebagainya. Melalui novel-novelnya, beliau ingin menunjukkan kehebatan bangsa, negara dan agama Islam kepada masyarakat bukan Islam. Semua ini dapat dilihat dalam novel-novel seperti *PPM, 1511H[Kombat]* dan *1515*.

KESIMPULAN

Kesimpulannya prinsip individualisme atau keperibadian dalam Teori Teksdealisme menetapkan bahawa, pembentukan individualisme seseorang pengarang dapat dikesan melalui subjektiviti pengarang, stail individu, reka cipta individu, tindakan individu dan kedirian individu (Mana Sikana, 2015). Berdasarkan subjektivitinya, Faisal Tehrani lebih menyerlah dengan subjektiviti berkaitan dengan belia, keagamaan, kemiskinan, politik dan masyarakat terpinggir atau masyarakat asal. Setiap subjektiviti ini dilihat dibawa secara berterusan dari novel awal hingga mutakhirnya, sama ada menjadi fokus atau sampingan. Pemilihan dan pengekaln subjektiviti ini menunjukkan bahawa Faisal Tehrani mahu dikenal sebagai pengarang yang bersifat nasionalisme dan patriotisme kerana berfokuskan mengenai bangsa, masyarakat dan agama serta negara amnya.

Seterusnya berkaitan aspek stail individu, Faisal Tehrani antara pengarang yang mementingkan gaya bahasa dalam novel-novelnya. Jika ditelusuri, setiap novel yang dihasilkan membawa

gaya bahasa berbeza. Penggunaan gaya bahasa ini disesuaikan dengan jenis novel yang dihasilkan. Gaya bahasa yang menjadi stail penulisannya ialah menggunakan gaya seharian, kosa kata bahasa asing, berbaur kasar dan gaya bahasa kiasan. Faisal Tehrani dilihat banyak menggunakan gaya bahasa yang sukar difahami khasnya kosa kata Arab. Penggunaan bahasa asing seperti bahasa Arab dan Inggeris dalam novel-novelnya seolah-olah menjadi stail dalam kepengarangannya.

Bagi aspek reka cipta individu pula, didapati Faisal Tehrani telah menunjukkan teknik dan metode tersendiri dalam menghasilkan novel-novelnya. Faisal Tehrani gemar menggunakan sudut pandangan orang pertama dan ketiga dalam novel-novelnya. Penggunaan sudut pandangan pertama dengan menggunakan ganti nama 'saya' dan 'aku' menggambarkan diri beliau yang dihadirkan dalam penceritaan yang disampaikan. Tindakan individu pula, menunjukkan pelbagai usaha dan tindakan telah dilakukan oleh Faisal Tehrani dari peringkat awal penglibatan sehingga kini untuk menghasilkan novel yang berkualiti. Keadaan ini menunjukkan bahawa beliau seorang yang dinamik kerana melakukan perubahan demi perubahan dalam novel-novelnya dari aspek teknik, gaya bahasa, pemikiran dan aliran.

Nyatalah bahawa Faisal Tehrani terus berusaha mencipta jati diri dan membina individualisme tersendiri menerusi rentetan novel-novel yang dihasilkannya. Setiap novel yang dihasilkan mengetengahkan persoalan, tema, subjek dan pemikiran serta mesej berbeza berdasarkan isu-isu semasa. Oleh itu secara terus atau tidak langsung, khalayak dapat mengenali novel yang dihasilkannya melalui teknik penulisan, subjektiviti, gaya bahasa, pemikiran serta mesej yang diungkapkan.

RUJUKAN

Abdul Halim Ali. (2006). *"Pahlawan Daerah Rodat. Sebagai karya New Historisme. Dlm. Rangkaian pemikiran dalam karya sastera.* Olh. Mohamad Daud Mohamad dan Huszaidi Hussin (Penyelenggara). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Abdul Rahman Napiah. (2012) *"Jati diri drama Malaysia: Kajian terhadap drama patriotisme"* dlm. *Patriotisme dan nasionalisme persuratan Melayu dalam peradaban Malaysia* olh. Abdul Latif Abu Bakar, (p. 115-129). Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Azhar Haji Wahid. (2013). *Kritikan intelektualisme sastera Melayu*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Sultan Idris.
- Aznur Rahman. (2004). *Sastera adalah dunia ilmu-Faisal Tehrani dalam Tunas Cipta*. Julai.hlm. 2-3.
- Bogdan, R.C. & Taylor, S.J. (1975). *Introduction to qualitative research methods*. New York:Wiley.
- Che Suzielawati binti Ahmad. (2012). *Dakwah: Satu kajian terhadap novel-novel karya Zaid Akhtar dan Faisal Tehrani*. Tesis Sarjana Falsafah. Jabatan Persuratan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Faisal Tehrani. (2000). *Perempuan Politikus Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pemuda.
- Faisal Tehrani. (2004). *1511H [Kombat]*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Faisal Tehrani. (2005). *Surat-surat Perempuan Johor*. Johor Bharu: Yayasan Warisan Johor.
- Faisal Tehrani. (2008). *Tunggu Teduh Dulu*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holding Sdn. Bhd.
- Faisal Tehrani. (2010). *Bahlut*. Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holding Sdn. Bhd.
- Goldman, Lucien. (1980). *Essay on method in the sociology literature*. St. Louis: Telos Press.
- Hamzah Hamdani. (2001). Novel alaf baharu: Ramalan seribu tahun. *Dewan Sastera*. Mac, hlm.18-19.
- Jelani Harun. (2004). *Ilmu kesusasteraan abad ke-21*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Keris Mas. (1990). *Perbincangan gaya bahasa sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (1996). *Teori Teksdealisme*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mana Sikana. (1998). *Teori dan kritikan Sastera Pascamodenisme*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mana Sikana. (2006). *Teori Sastera Teksdealisme*. Singapura: Pustaka Karya.
- Mana Sikana. (2012). *Pengantin tua Gunawan Mahmood: Kritikan Teori Teksdealisme*. Dalam *Kepengarangan tiga orang sasterawan FELDA Abu Hassan Morad, Gunawan Mahmood dan Ramli Daud*. Olh. Talib Samat dan Abdul Ghani Abu (Penyt.). Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mana Sikana. (2015). *Sasterawan Negara di takhta keunggulan*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Muhd. Nasruddin Dasuki. (1999). *Cisarua*. Kuala Lumpur: Persatuan Penulis Kuala Lumpur.
- Misran Rokimin. (2013). *Kritikan sastera remaja: Teori dan aplikasi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman Puteh. (1993). *Penulisan cerpen visi dan langgam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Patton, M.Q. (1978). *Utilization-focused evaluation*. Beverly Hills, CA: Sage.
- Rosnah Baharudin. (2001). *Novel alaf baharu: Kembali ke sumber?* Dewan Sastera. Mac, hlm. 12-13.
- Shahnon Ahmad. (1994). *Sastera pengalaman ilmu imaginasi dan kitarannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan pustaka.
- Shahnon Ahmad. (2007). *Memetamorfosiskan keterampilan berkarya*. Dewan Sastera. Mach, hlm. 90-93.
- Strauss, A.L. & Corbin, J. (1998). *Basics of qualitative research: techniques and procedures for developing grounded theory*. ED Ke-2. Thousand Oaks: Sage.
- Talib Samat. (2010). *Isu-isu terpilih dalam nazrah perkembangan novel Melayu terkini*. Tanjong Malim: Emeritus Publications.
- Wan Zaliha binti Wan Othman. (2013). *Novel-novel Faisal Tehrani: Kajian Intertekstualiti dan Dakwah. Tesis Doktor Falsafah*. Akademi Pengajian Melayu. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.